

BULETIN INTEGRITI

TAHUN 2024

Terbitan:
Unit Integriti KPYPJ



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YM Ungku Mohd Tahir bin Ungku Mohd Zakaria K.B.;P.A
Ketua Pegawai Eksekutif

PENASIHAT

En. Husaini bin Mohklas @ Hashim
Pengurus Besar

KETUA EDITOR/PENGARANG

Pn. Norle binti Hj. Mohamed Kamsan
Ketua Unit Integriti (CeIO)

EDITOR

En. Firdaus bin Hj. Zainal Abidin

PENYUMBANG KARYA

Pn. Norazlina binti Mohsin @ Mohsen (CeIO)
Ustaz Farhan bin Ashari
Pn. Norhaida bin Ahmad
Pn. Ariffah Naimah binti Rosli

PENYUMBANG BAHAN

En. Zamri bin Jabar

FOTOGRAFI & REKABENTUK

En. Ali Zulkarnain bin Abd Karim

SUMBANGAN KARYA

Unit Integriti amat mengalu-alukan sebarang sumbangan karya bertema integriti (rencana, artikel, berita, cerpen, sajak dan lain-lain) untuk dikongsi bersama pembaca Buletin Integriti.

Hantarkan karya anda ke: integriti@kpypj.edu.my

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	4
SEPATAH KATA SEULAS BICARA PENGURUS BESAR DARI MEJA KETUA PENGARANG	6
SANTAI INTEGRITI – KARTUN DEE	7
INTEGRITI CERMIN KETAQWAAN - MODEL TERUNGGUL KEPIMPINAN	8
INTEGRITI CERMIN KETAQWAAN - MODEL TERUNGGUL KEPIMPINAN	9
MENIPU SAKIT, SATU KESALAHAN RASUAH?	16
MEMBENDUNG GEJALA RASUAH MELALUI PENDIDIKAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG	18
MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DI KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR: KE ARAH KAMPUS BEBAS RASUAH DAN WARGA BERETIKA	21
AKTIVITI UNIT INTEGRITI KPYPJ BAGI TAHUN 2023 - 2024	24
PERSIDANGAN ANTIRASUAH KEBANGSAAN/NATIONAL ANTI- CORRUPTION SUMMIT (NACS) 2024	25
KOMPILASI POSTER HEBAHAN INTEGRITI BAGI TAHUN 2023 - 2024	26
KULIAH INTEGRITI 2024	29
KEMELUT POLITIK PEJABAT. BAGAIMANA CARA MENGATASINYA?	31
BUDAYA INTEGRITI TERAS PEMBANGUNAN MASYARAKAT MADANI	35
SAJAK: POHON INTEGRITI	37
GURINDAMKU BUATMU SAHABAT	38
HIMPUNAN KATA-KATA BIJAK TENTANG INTEGRITI	39
PENGHARGAAN KEPADA PEMENANG	41

Perutusan

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**YM UNGKU MOHD TAHIR BIN
UNGKU MOHD ZAKARIA K.B.;P.A**

Ketua Pegawai Eksekutif

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Integriti Cermin Ketakwaan telah dipilih sebagai tema Buletin Integriti terbitan tahun ini bertujuan untuk menggambarkan bahawa pentingnya peranan hati yang bersih dalam menghasilkan pertuturan dan tingkah laku yang baik seterusnya mencerminkan ketakwaan kita. Adapun integriti yang diterima pakai dalam masyarakat hari ini sebagai sebuah konsep merujuk kepada “amalan yang jujur dan konsisten tanpa kompromi dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip etika dan nilai-nilai luhur”. Integriti adalah merupakan elemen yang wajib ada pada seluruh warga kerja Kumpulan Pendidikan YPJ.

Ternyata jelas kepada kita di sini pertalian erat antara integriti dan takwa. Takwa bukan sekadar melakukan kebaikan dan meninggalkan segala larangan Allah SWT, tetapi takwa itu termasuklah memiliki kesedaran ketuhanan yang tinggi bahawa Allah SWT sentiasa memerhati kita sepanjang masa sehingga kita tidak berani untuk lalai apatah lagi melakukan maksiat terhadapnya. Oleh sebab itulah takwa itu nilai paling utama setiap insan seperti mana disebut dalam al-Quran, Surah al-Hujurat ayat 13: “Orang yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertakwa.”

Sehubungan dengan itu, kita sebagai warga KPYPJ, sangatlah wajar menunjukkan integriti di dalam segenap aspek pekerjaan mahupun kehidupan seharian selari dengan moto “**Akademik Cemerlang, Sahsiah Terpuji**”. Pengurusan KPYPJ sangat komited dalam membudayakan integriti, justeru program integriti akan dijalankan secara berterusan di KPYPJ melalui pelbagai platform seperti media sosial, media elektronik dan media cetak.

Akhir kata, saya mengambil peluang ini untuk sama-sama mengingatkan kita semua agar sentiasa menjadikan integriti sebagai asas dan pegangan dalam apa jua perkara yang kita lakukan. Semoga perkongsian ilmu melalui buletin ini dapat memperkukuh amalan integriti dalam kalangan “Keluarga Besar Kumpulan Pendidikan YPJ.”

Sekian, terima kasih.

YM UNGKU MOHD TAHIR BIN UNGKU MOHD ZAKARIA K.B.;P.A
Ketua Pegawai Eksekutif

Sepatah Kata, Seulas Bicara

PENGURUS BESAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat-Nya kerana menerusi Buletin Integriti ini kita dapat bertemu lagi untuk berkongsi maklumat serta pengalaman berteraskan pembudayaan nilai-nilai integriti yang menjadi prinsip warga KPYPJ.

Sebagaimana kita sedia maklum, **Pelan Antirasuah KPYPJ 2023–2027** yang dilancarkan pada 9 Disember 2023 lalu merupakan kesinambungan kepada **Pelan Antirasuah Nasional 2019 –2023**. Inisiatif murni ini mencerminkan komitmen padu pengurusan tertinggi KPYPJ dalam memperkasakan usaha pencegahan rasuah dan salah laku integriti di setiap peringkat dalam organisasi.

Keberhasilan Pelan Antirasuah KPYPJ ini menuntut kepada komitmen dan iltizam yang tinggi daripada warga KPYPJ terutamanya terhadap inisiatif bidang-bidang keutamaan yang digariskan. Adalah menjadi harapan saya agar semua warga KPYPJ dapat menzhahirkan segala yang dirancang dalam bidang masing-masing bagi merealisasikan matlamat asal penggubalan pelan ini.

Akhir kata, saya berharap buletin ini menjadi laman bermaklumat yang boleh menjadi satu wadah perkongsian maklumat kepada warga kerja dan komuniti dalam melaksanakan tugas dengan lebih berintegriti.

Sekian, terima kasih.

HUSAINI BIN MOHKLAS @ HASHIM

Pengurus Besar



Dari Meja

KETUA PENGARANG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Bertemu lagi kali ini dengan pelbagai informasi menarik untuk dikongsi bersama. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana e-Buletin integriti dapat dikeluarkan untuk tahun kedua.

Pada keluaran kali ini, Unit Integriti ingin berkongsi aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023. Terbitan **e-buletin** ini diharapkan dapat menyediakan ruang kepada warga kerja KPYPJ berkongsi pandangan dan karya tentang integriti dan amalan nilai-nilai murni.

Tahun 2023 yang telah berlalu pastinya meninggalkan pelbagai kenangan, ragam, pahit manis perjuangan dalam merealisasikan matlamat yang ingin dicapai. Setiap kejayaan yang dicapai adalah kejayaan bersama yang boleh dijadikan pembakar semangat untuk terus maju ke hadapan.

Bersempena kedatangan tahun baru 2024 ini, ayuh kita jadikan nilai-nilai integriti dalam diri sebagai amalan dan pembudayaan secara berterusan khususnya dalam perkhidmatan awam demi memastikan penyampaian memenuhi hasrat dan kriteria yang diperlukan sekali gus menjadikan warga KPYPJ terus dihargai dan dihormati.

Kepada penyumbang berita dan maklumat, saya ucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas komitmen dan kerjasama anda.

Sekalung penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan buletin ini sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung. Mudah-mudahan segala yang kita usahakan mendapat keberkatan dan keredhaan Allah SWT yang menjadi pencetus kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat.

Sekian, terima kasih.

NORLE BINTI HJ. MOHAMED KAMSAN

Ketua Unit Integriti KPYPJ (CeLO)

SANTAI INTEGRITI



INTEGRITI CERMIN KETAQWAAN

Ada pepatah mengatakan;

'Jika **HILANG**...

..**WANG**, boleh dicari

..**HARTA**, boleh dibeli kembali

..**INTEGRITI**, maka hilanglah kehidupan yang bermakna'



Apa yang kita boleh tafsirkan dengan ayat di atas? Kenapa integriti itu begitu penting sekali sehingga adanya pepatah seperti ini?

Tokoh Inggeris yang terkenal C.S. Lewis pernah mengungkapkan makna integriti ialah **“melakukan sesuatu yang baik, walaupun tiada orang melihatnya.”** Kata-kata sebegitu sudah cukup baik khususnya bagi mereka yang tidak berpegang kepada agama, dan tidak percaya kepada kewujudan Tuhan kerana ia menggambarkan berpegang teguh kepada prinsip kebaikan dan nilai diri yang kuat itu lebih mulia daripada melakukan sesuatu kebaikan demi kerana manusia. Namun, bagi orang Islam, melakukan kebaikan apabila tidak dilihat orang lain itu bukanlah sesuatu yang istimewa kerana pertamanya, umat Islam diajar sejak kecil lagi bahawa Allah SWT itu Maha Melihat (al-Basar) dan Maha Mengetahui (al-Alim) apa jua yang dilakukan oleh manusia sama ada di depan orang ramai atau sendirian, bahkan lintasan hati pun diketahui oleh Allah SWT. Kedua, setiap sesuatu yang dilakukan bukan kerana mengharapkan pujian atau mengelakkan daripada mendapat celaan manusia tetapi sebaliknya mencari keredhaan Allah SWT. Mencari keredhaan Allah SWT itulah matlamat utama setiap umat Islam yang hidup

di dunia ini. Jika melakukan kebaikan untuk mendapat pujian manusia atau ganjaran duniawi itu sudah termasuk dalam perlakuan riak yang diharamkan dalam Islam, bahkan dikira sebagai syirik kecil.

Umat Islam tidak memerlukan pemantauan orang lain atas perlakuan dirinya apatah lagi memerlukan CCTV agar tidak melakukan pengkhianatan, kerosakan atau kejahatan. Memadai baginya Allah SWT yang memantau dirinya di mana sahaja dia berada walaupun tiada orang lain bersamanya atau di tempat yang tiada CCTV sekalipun.

Justeru itu, **integriti** yang termasuk dalam sebahagian daripada unsur-unsur **ketakwaan menuntut kejujuran dalam segenap aspek kehidupan kita sama ada kita bersama khalayak ramai mahupun ketika bersendirian.** Termasuklah kejujuran itu tidak mengambil sesuatu yang tidak pasti miliknya, apatah lagi mengambil rasuah yang jelas sekali haram dan bukan miliknya. Seseorang yang mengambil atau memberi rasuah jelas seorang yang tiada integriti dan malangnya hal ini semakin membarah dalam masyarakat kita hari ini dalam segenap sektor dan bidang, daripada rasuah yang beberapa puluh ringgit kerana kesalahan trafik, kepada jutaan dan bilion ringgit.





INTEGRITI INDIVIDU DAN INTEGRITI ORGANISASI.

Sering kita mengaitkan soal integriti ini dengan rasuah. Isu rasuah merupakan salah satu cabang dalam integriti. Sebenarnya penggunaan integriti merangkumi tatakelakuan yang melibatkan isu-isu nilai, etika dan pegangan agama seseorang.

Secara ringkasnya, integriti boleh di bahagikan kepada dua bahagian iaitu integriti individu dan integriti organisasi. **Integriti individu** merujuk kepada **himpunan kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan kualiti ini berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi**. Ini bermakna, integriti ialah keselarasan di antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang serta keselarasan di antara kepentingan diri dengan kepentingan umum.

Integriti organisasi pula **tercermin dalam perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik**. Kod etika berkenaan ditegaskan, diulangi dan

dihayati oleh anggota organisasi berkenaan sehingga menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya organisasi (*corporate culture*).

Tidak perlu kita melihat soal integriti di dalam organisasi kita sekiranya kita sendiri masih bergelut untuk menjadi seorang yang berintegriti. Lihat keadaan sekeliling kita di pejabat. Sepanjang tempoh sembilan jam bekerja di pejabat, berapa lamakah kita mengambil masa untuk melayan perbualan atau melayari sosial media di telefon bimbit atau bersembang dengan rakan sekerja? Tanya diri sendiri pernahkah kita mengambil waktu bekerja untuk menyelesaikan urusan peribadi seperti keluar pejabat untuk ke bank atau ke pasar atau mengambil anak dari tadika dan pelbagai lagi?

Kita selalu lupa bahawa isu **integriti ini berkait rapat dengan rezeki** yang kita dapat. Rezeki yang kita gunakan untuk menyara keluarga, membeli barang makanan, keperluan harian dan sebagainya. Jika rezeki itu diperolehi dengan cara yang tidak jujur, bagaimana pula hasil yang kita peroleh itu akan menjadi berkat? Kadang-kadang kita lupa bila kita ditimpa musibah seperti kereta rosak dan sering pula ditimpa pelbagai masalah dan musibah yang bertimpa-timpa, berkemungkinan musibah ini merupakan satu peringatan dari Allah SWT untuk kita. Kita patut bertanya kepada diri sendiri adakah gaji yang diperolehi setiap bulan itu datang dari cara yang sah?

Bagi kita yang beragama Islam, seharusnya kita kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Dengan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sebenarnya telah menjadikan kita sebagai seorang insan yang berintegriti. **Keimanan dan ketakwaan di dalam diri menjadi benteng dan**





jati diri yang kukuh daripada melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan integriti. Setiap agama di dunia ini tidak pernah membenarkan penganutnya untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan norma-norma kehidupan atau di luar peradaban manusia.

Bagaimana kita ingin menerapkan atau membudayakan nilai integriti ini dalam pekerjaan kita seharian? Permulaan adalah dengan hadir lebih awal ke pejabat. Ini akan memberikan kita masa untuk bersarapan dan menyediakan meja sebelum kita memulakan pekerjaan kita. Kita perlu mempunyai perancangan dalam melakukan tugas yang di amanahkan kepada kita. Setiap kerja yang ditugaskan kita selesaikan mengikut tempoh yang diberikan. Kita juga perlu menjaga kualiti kerja yang dihasilkan bagi menjaga nama baik diri sendiri serta jabatan yang kita wakili.

Kesimpulannya, bukan mudah untuk kita membentuk diri untuk menjadi seorang individu yang berintegriti. Namun, pepatah mengatakan bahawa kalau hendak seribu daya, maknanya kita akan berusaha untuk mencapai sesuatu jika kita benar-benar menginginkannya. Jadi bagi individu yang inginkan kelangsungan kehidupan yang cemerlang pada masa hadapan perlu berusaha sedaya mungkin untuk memperkukuh integriti diri sendiri dan individu-individu di bawah tanggungjawab masing-masing.

MODEL TERUNGGUL KEPEMIMPINAN.



Sunnah merakam Rasulullah SAW model terunggul kepemimpinan, memenuhi fitrah manusia melalui sifat amanah, siddiq, tabligh dan fatanah. Pemimpin Arab Quraish memberi gelaran 'al-Amin' kepada Baginda kerana ketinggian sifat integriti dan akauntabiliti memberi perkhidmatan cemerlang kepada masyarakat.

Gelaran ini membangkitkan rasa kasih berterusan ramai orang Quraisy kepada Rasulullah SAW. Tetapi, cabaran dihadapi Baginda cukup hebat. Abu Jahal, pemimpin kanan Quraisy, menawarkan jawatan raja, perempuan cantik dan harta kekayaan supaya Rasulullah SAW tidak meneruskan perjuangan Islam. Namun, Rasulullah SAW menolak tawaran itu.

Seterusnya, Saidina Abu Bakar al-Siddiq RA meletakkan asas integriti kukuh pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin, dengan berkata: **"Wahai manusia, sesungguhnya aku dilantik menjadi pemimpin kamu, bukanlah aku yang terbaik dalam kalangan kamu; jika aku berbuat baik, bantulah aku, jika aku berbuat salah, betulkanlah aku. Jujur itu adalah amanah, bohong itu adalah khianat. Taatlah aku selagi aku taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Jika aku derhaka terhadap Allah dan Rasul-Nya, maka tiada ketaatan untukku."**

Ini diteruskan Saidina Umar al-Khattab RA. Dirwayatkan isterinya Ummu Kalsum membeli pewangi berharga satu dirham dan dihadiahkan kepada Maharani Byzantin. Sebagai balasan, maharani memberi batu permata

diisi dalam bekas pewangi dihada isteri Umar. Apabila Umar tahu, beliau jual batu permata itu dan hasil jualan dimasukkan ke dalam baitulmal negara. Hanya satu dirham diberi kepada isterinya.

Perkataan hampir sama diucapkan Khalifah Umar Abdul Aziz ketika diangkat menjadi khalifah. Umum membayangkan, tatkala diangkat ke jawatan tinggi memiliki kuasa, tentu berhati riang dan berpesta ria, sebaliknya diriwayatkan Umar memasukkan kepala ke celah dua lututnya, menangis teresak-esak kerana takut ujian Ilahi, meliputi kuasa dan tanggungjawab. Pada hari kedua pemerintahan, beliau berkhotbah: **"Aku bukan orang yang paling baik dalam kalangan kamu, sedangkan aku orang yang paling berat tanggungjawabnya dalam kalangan kamu."**



Sepanjang pemerintahan, Khalifah Umar Abdul Aziz menolak segala kemewahan, malah menjual kenderaan dan peralatan diperuntukkan kepada beliau, lalu menyerahkan hasil jualan kepada baitulmal negara. Inilah sikap diperlihatkan dalam menghayati sifat amanah dan akauntabiliti.

Tadabbur al-Quran, selami sunnah Rasulullah SAW dan fahami sejarah sebagai ibrah kepada kebangkitan dan keruntuhan tamadun, pemerintahan, kerajaan serta ummah sebagai rujukan dan panduan. Lazimi amar makruf, nahi mungkar, tetapkan iman demi membina masyarakat berintegriti.

Oleh: *Norle binti Hj Mohamed Kamsan*

MENIPU SAKIT, SATU KESALAHAN RASUAH?

Kemuka Tuntutan Palsu Sijil Sakit Kesalahan Rasuah – **SPRM**



Tahukah anda bahawa mengemukakan sijil saksi atau MC boleh menjadi kesalahan rasuah? Ia merupakan kesalahan di bawah kategori mengemukakan tuntutan palsu.

Mohamad Tarmize Abdul Manaf yang merupakan pegawai Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM menjelaskan mengapa mengeluarkan sijil sakit (MC) dengan maklumat atau tuntutan palsu menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009. **"Mengemukakan sijil sakit palsu tiada bezanya dengan tuntutan, resit atau invois yang mempunyai butiran palsu"**, katanya di blog *ourdifferentview.com* menerusi kenyataan bertajuk **"Menipu Sakit, Satu Kesalahan Rasuah?"**

Beliau menjadikan contoh di mana tertuduh didakwa kerana membuat tuntutan cuti sakit palsu selama dua hari dengan hari bergaji penuh.

Tertuduh didapati bersalah selepas dibuktikan bahawa dia tidak sakit sepanjang dua hari itu.

Tertuduh berkata, sijil sakit tidak termasuk di bawah Akta. Tetapi hakim mengekalkan sabitan tersebut kerana tertuduh menerima gaji penuh bagi kedua-dua hari **"sakit"** itu.

Tertuduh diarahkan membayar semula duit gaji berkenaan dan dikenakan denda.

Justeru, kita sebagai seorang pekerja tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil cuti sakit. **"Doktor dan pegawai perubatan juga perlu berwaspada agar tidak terlibat sekiranya ada 'pesakit' yang tidak sakit memohon MC daripada anda,"** katanya.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Mustafar Ali mengesahkan bahawa tuntutan palsu yang dikemukakan kepada majikan merupakan satu penipuan dan menjadi kesalahan. Di bawah Seksyen 24, pekerja yang membuat tuntutan palsu boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan dikenakan denda.

Sebelum ini dilaporkan bahawa majikan Malaysia mengalami kerugian lebih RM1 bilion setahun kerana pekerja berpura-pura sakit untuk mendapatkan cuti sakit atau MC.

Menurut laporan pada 2014, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) mendedahkan bahawa majikan kerugian RM2.9 bilion setahun dalam bayaran lebih masa kepada pekerja menggantikan pekerja lain yang cuti sakit.

MEMBENDUNG GEJALA RASUAH MELALUI PENDIDIKAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Di zaman era teknologi masa kini dilihat masalah gejala rasuah sering dikaitkan dengan erti kata lain seperti makan suap yang menggambarkan maksud yang negatif kepada imej sesebuah masyarakat sekeliling. Semakin tinggi kadar peratus rasuah di sesebuah negara itu maka semakin rendah tanggapan masyarakat luar terhadap kemampuan rakyat negara terbabit untuk melakukan sesuatu terutama dalam aspek ekonomi.

Konsep rasuah dikategorikan sebagai suatu jenayah atau kesalahan undang-undang dimana seseorang mendapat kebebasan, kemewahan, kontrak atau keistimewaan dari pihak berkuasa atau sesebuah syarikat selepas memberi wang, hadiah, keraian kepada pihak-pihak tersebut. Berdasarkan laporan daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Awam Malaysia (SPRM) terdapat empat kesalahan rasuah yang utama ialah meminta atau menerima rasuah, menawar atau memberi rasuah, membuat tuntutan palsu dan salahguna kuasa bagi sesuatu jawatan dalam organisasi. Pemberian rasuah ini akan melibatkan banyak masalah sosial dikalangan masyarakat sekeliling. Justeru, kegiatan jenayah dan ketidakadilan akan berleluasa tanpa sempadan.

Di antara langkah-langkah untuk mengatasi amalan gejala rasuah ialah dengan memantapkan iman dan mengukuhkan keperibadian diri masing-masing. Ini adalah kerana kedua-duanya merupakan benteng yang paling kukuh untuk membentaras gejala rasuah. Apabila setiap individu membenci gejala rasuah seperti rakyat biasa, pemimpin, peniaga, atau jentera kerajaan maka amalan rasuah dapat diatasi sepenuhnya. Justeru itu, penerapan dalam didikan keagamaan dan moral hendaklah dilakukan terutama di sektor pendidikan negara seperti dalam kalangan pelajar sekolah, kolej dan universiti. Usaha ini perlu dilakukan pada peringkat awal kehidupan seseorang itu supaya mudah untuk mengawalinya di samping pelajar memahami keperluan untuk membebaskan diri dan negara daripada ancaman gejala rasuah ini.

Pihak sekolah juga boleh menerapkan nilai-nilai murni mengenai bahayanya rasuah dalam sistem pendidikan kepada golongan muda berupaya bagi menyekat penularan wabak sosial yang begitu membimbangkan di negara ini. Kebencian kepada gejala rasuah akan



dapat dihayati dalam diri sekiranya diajar dan dididik sejak zaman persekolahan lagi. Bak kata peribahasa melayu mengatakan **“Melentur Buluh, Biarlah dari Rebungnya”**. Generasi yang dididik benci rasuah akan membesar menjadi individu yang lebih bertanggungjawab, amanah, ikhlas. Kerajaan telah membuktikan kesungguhan mereka dalam menangani isu gejala rasuah ini dengan menahan, mendakwa dan menghukum pesalah-pesalah rasuah tanpa mengira kedudukan mereka. Rakyat masih beranggapan bahawa masih ada pihak tertentu yang mengambil rasuah tetapi tidak di bawa ke muka pengadilan yang menimbulkan rasa ketidak kepercayaan rakyat akan keikhlasan kerajaan menangani isu ini. Kesungguhan kerajaan mendakwa atau mengheret mereka ke mahkamah akan memberi satu peringatan agar mereka tidak mengambil rasuah pada peringkat awalnya. Namun, tindakan tegas kerajaan mendakwa semua pihak yang terlibat tidak mengira jawatan atau pangkat yang disandang akan memberi petanda bahawa pengamal rasuah akan menerima hukuman yang setimpal dan menakutkan mereka untuk melakukan jenayah ini.

Dengan ini, pihak kerajaan perlulah memperkasakan undang-undang agar masyarakat sedar betapa bahaya dan serius masalah rasuah jika tidak dibentaras dan dibendung untuk keselamatan negara dari awal. Usaha kerajaan untuk menakutkan pesalah rasuah dan masyarakat boleh dicapai menerusi satu kempen iklan yang efisien. Kempen yang dilancarkan itu mestilah menggunakan media massa secara efektif iaitu daripada akhbar hinggalah ke internet untuk memastikan semua khalayak masyarakat menerima kempen tersebut. Kesemua paparan atau informasi melalui iklan itu mestilah berupaya



meninggalkan kesan atau menjadikan masyarakat berfikir dua kali sebelum mereka menerima rasuah.

Kesimpulannya, semua langkah mengatasi kemelut sosial ini harus diteliti dan dipantau oleh semua pihak dengan berkesan. Kelewatan untuk mengatasi gejala rasuah ini mampu menjadikan negara kita satu negara yang begitu sukar untuk dipercayai oleh pelabur luar dan diuruskan pada masa hadapan.

Pepatah melayu mengatakan mencegah itu lebih baik daripada mengubatinya di mana memberikan kesan yang lebih dalam memastikan rasuah terus berkubur dan dapat dielakkan dari peringkat awal. Oleh itu, masyarakat perlulah berganding bahu bersama-sama meningkatkan integriti individu dan membasmi amalan rasuah. Katakan **TIDAK** kepada rasuah untuk melahirkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Disunting Oleh: Firdaus bin Hj Zainal Abidin

MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DI KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR:

KE ARAH KAMPUS BEBAS RASUAH DAN WARGA BERETIKA

Integriti merupakan elemen penting dalam memastikan keberkesanan sesebuah institusi, termasuklah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) khususnya di Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ). Membudayakan integriti di KYPJ bukan sahaja dengan memastikan keadilan dan ketelusan, malah membentuk generasi mahasiswa yang beretika dan bertanggungjawab.

Antara langkah-langkah dan inisiatif yang boleh diambil oleh KYPJ ke arah membina kampus bebas rasuah dan mahasiswa yang beretika adalah melalui pendidikan yang lebih mendalam dan secara meluas mengenai integriti yang diterapkan dalam kurikulum akademik. KYPJ telah menawarkan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) sebagai kursus wajib Mata pelajaran Pengajian Umum (MPU) sebagaimana yang diwajibkan di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bermula tahun 2023 kepada semua mahasiswa di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Kursus ini mengandungi elemen etika dan integriti, supaya mahasiswa memahami kepentingan amalan beretika dalam semua aspek kehidupan mereka.

Selain itu, KYPJ juga telah menyertai Program Kem Antirasuah Angkatan Mahasiswa (AMAR) Peringkat Negeri Johor 2024 dengan kerjasama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang bertempat di Student Union Building (SUB) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. Program ini turut disertai institusi-institusi pendidikan di Negeri Johor seperti UTM, UTHM, IPTHO, Kolej Profesional Mara Bandar



Penawar, UNIKL Mitec, IPG Kampus Temenggong Ibrahim, KKTM Sri Gading, Kolej Poly-Tech Mara dan IKM Johor Bahru. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti senaman pagi, 'ice breaking', 'case study', ceramah, 'orienteeing' serta 'talk show' oleh pihak SPRM sendiri.

Program seumpama ini dapat menghimpunkan mahasiswa dari pelbagai IPT dengan latar belakang pendidikan yang berlainan bagi mengupas isu-isu berkaitan rasuah serta mendidik mahasiswa dengan nilai-nilai integriti dan ke arah generasi muda Malaysia benci rasuah dan salahguna kuasa. Program berbentuk Kem Antirasuah merupakan salah satu kaedah untuk mencapai halatuju dalam strategi pendidikan secara tidak formal oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai.

KYPJ juga mengamalkan dasar 'tiada toleransi terhadap rasuah' dalam semua aspek operasi yang dijalankan termasuk dalam proses pengambilan pelajar, pemberian biasiswa, pemilihan staf akademik dan lain-lain lagi. Dengan mengamalkan dasar ini, KYPJ menunjukkan komitmen untuk memerangi rasuah dan membina persekitaran yang adil dan telus. Pihak pengurusan KYPJ juga sentiasa berusaha untuk memastikan semua prosedur dan keputusan dibuat berdasarkan merit dan keadilan, tanpa dipengaruhi oleh sebarang bentuk rasuah atau penyelewengan.





Akhir sekali, sistem pelaporan dan pengawasan yang berkesan juga telah diwujudkan. KYPJ komited dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan dalam semua aspek khidmat pelanggan termasuk pengajaran, penyelidikan mahupun pentadbiran. Justeru, satu platform aduan dan maklum balas pelanggan telah diwujudkan dan dikendalikan oleh Unit Governan dan Pengurusan Kualiti KYPJ kepada semua pelanggan (mahasiswa, ibu bapa, pembekal, rakan penyelidik, kakitangan dan pensyarah) untuk memberi maklum balas mengenai tahap kualiti perkhidmatan yang diterima sama ada dalam bentuk cadangan, pujian dan komen bagi setiap perkhidmatan yang ditawarkan di KYPJ. KYPJ telah menyediakan saluran yang selamat dan terjamin untuk mahasiswa dan staf bagi melaporkan sebarang kes rasuah yang mungkin berlaku. Pihak pengurusan KYPJ akan bertindak segera terhadap laporan-laporan ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Dengan adanya sistem pengawasan yang ketat, KYPJ dapat memastikan integriti sentiasa dijaga dan sebarang pelanggaran ditangani untuk ke arah kampus bebas rasuah dan beretika.



Kesimpulannya, membudayakan integriti di KYPJ memerlukan usaha dan komitmen daripada semua pihak termasuk mahasiswa, staf, dan pihak pengurusan. Dengan pendidikan, program kesedaran, dasar yang ketat, penglibatan mahasiswa, dan sistem pengawasan yang berkesan, KYPJ boleh menjadi model kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) lain dalam membina kampus bebas rasuah dan beretika. Melalui usaha ini, KYPJ dapat memastikan generasi masa depan yang beretika, bertanggungjawab dan berintegriti tinggi.

Oleh: **Norazlina binti Mohsin @ Mohsen (CeIO)**

Pengurus Unit Governan & Pengurusan Kualiti KYPJ



AKTIVITI UNIT INTEGRITI KPYPJ

TAHUN 2023 – 2024

BIL	AKTIVITI	TARIKH	LOKASI/KAEDAH
1	Kursus Induksi Staf Baharu KPYPJ (Taklimat Integriti dan Peruntukan Liabiliti Korporat Seksyen 17A Akta SPRM)	16.08.2023	Teluk Gorek Chalet & Campsite, Mersing
2	Program Bulan Integriti	Sepanjang Oktober 2023	Mengadakan pertandingan-pertandingan untuk Warga Kerja: <ul style="list-style-type: none"> i. Penulisan artikel, puisi dan gurindam; ii. Menghasilkan poster/kapsul integriti; dan iii. Video Kreatif Integriti
3	Sambutan Hari Integriti Nasional 2023 di Peringkat KPYPJ serta Pelancaran Pelan Antirasuah (OACP) Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.	09.11.2023	Google Meet
4	Kempen '15 Minutes Integrity First'	15.01.2024	Google Meet
5	Persidangan Antirasuah Kebangsaan / National Anti-Corruption Summit (NACS)	29.02.2024	Berjaya Hotel, Kuala Lumpur
6	Kuliah Integriti Siri 1/2024: "Jaga Mulut, Jaga Diri"	20.6.2024	Secara dalam talian (Online)
7	Kuliah Integriti Siri 2/2024: Integriti dan Keberkatan Rezeki	22.8.2024	Bilik Seminar, KYPJ

PERSIDANGAN ANTIRASUAH KEBANGSAAN

NATIONAL ANTI-CORRUPTION SUMMIT (NACS) 2024 29 FEBRUARI 2024, BERJAYA HOTEL



KOMPILASI POSTER HEBAHAN MESEJ INTEGRITI BAGI TAHUN 2023

Edisi Januari 2023

LAPORKAN SALAH LAKU
(RASUAH, PENYALAHGUNAAN KUASA, KONFLIK KEPENTINGAN & LAIN-LAIN)

Emel ke: aduankppj@gmail.com

Tulis surat dan hantarkan kepada Unit Integriti

Melaporkan Aduan

Isi barang E-aduan di laman web www.kppj.edu.my

Rujukan:
• Buku Peraturan dan Syarat Perkhidmatan KPYPJ
• Kod Nilai & Etika KPYPJ
• Polisi Pembani Maklumat KPYPJ

UNIT INTEGRITI KPYPJ
www.kppj.edu.my 07-2416161 aduankppj@gmail.com

Edisi Februari 2023

GANGGUAN SEKSUAL

Mengganggu mana-mana pekerja lain sama ada secara mental, fizikal atau seksual adalah satu kesalahan (No. 6.1.8.10)

- Gangguan Secara Lisan
- Gangguan Secara Isyarat
- Gangguan Secara Visual
- Gangguan Fizikal
- Gangguan Psikologi

Rujukan:
• Buku Peraturan dan Syarat Perkhidmatan KPYPJ
• Kod Nilai & Etika KPYPJ

UNIT INTEGRITI KPYPJ
www.kppj.edu.my 07-2416161 aduankppj@gmail.com

Edisi Mac 2023

Peliharalah BATASAN Hubungan Sesama Staf

"3.(2)(d) Seseorang pegawai tidak boleh - berkeelakan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun;" (Akta 605)

Rujukan:
• Buku Peraturan dan Syarat Perkhidmatan 2016 KPYPJ
• Kod Nilai & Etika KPYPJ

UNIT INTEGRITI KPYPJ
www.kppj.edu.my 07-2416161 aduankppj@gmail.com

Edisi April 2023

MENJAGA KEHARMONIAN DI DALAM PEJABAT

Setiap kakitangan pejabat bertanggungjawab dalam menjaga keharmonian diantara staf dan tidak menjatuhkan maruah pekerja lain. (6.1.8.2 & 6.1.8.14)

Rujukan:
• Buku Peraturan dan Syarat Perkhidmatan 2016 KPYPJ
• Kod Nilai & Etika KPYPJ

UNIT INTEGRITI KPYPJ
www.kppj.edu.my 07-2416161 aduankppj@gmail.com

Edisi Mei 2023

JAUHI NAJIS DADAH

Staf boleh dikenakan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam jika diperkui **menyalahgunakan atau menagih dadah berbahaya.**

Rujukan:
• Buku Peraturan dan Syarat Perkhidmatan 2016 KPYPJ
• Kod Nilai & Etika KPYPJ

UNIT INTEGRITI KPYPJ
www.kppj.edu.my 07-2416161 aduankppj@gmail.com

Edisi Jun 2023


LARANGAN PENERIMAAN HADIAH

Warga KPYPJ dilarang menerima atau memberi apa-apa hadiah sekiranya:

- Pemberian berkaitan dengan tugas rasmi;
- Nilai pemberian tidak sepadan dengan maksud pemberian itu; atau
- Pemberian atau penerimaan dilakukan dengan niat rasuah.

Rujukan:
• Kod Nilai & Etika KPYPJ
• Polisi Hadiah



UNIT INTEGRITI KPYPJ
www.kppj.edu.my 07-2416161 aduankppj@gmail.com



Rujukan

- i. Kod Nilai dan Etika
- ii. Polisi Pemberi Maklumat
- iii. Polisi Hadiah
- iv. Garis Panduan Pelaksanaan 'Integrity Pact' dalam Perolehan KPYPJ
- v. Pelan Antirasuah Organisasi/Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) KPYPJ
- vi. Polisi Antirasuah KPYPJ
- vii. Peraturan dan Syarat Perkhidmatan (2016) KPYPJ

KOMPILASI POSTER HEBAHAN MUTIARA KATA INTEGRITI BAGI TAHUN 2024



KULIAH INTEGRITI 2024



Program Kuliah Integriti ini mula diperkenalkan bermula pertengahan tahun 2024. Kuliah Integriti ini akan diadakan secara bersiri dan bersasar mengikut kumpulan staf pada setiap tahun bagi meningkatkan amalan nilai-nilai murni, etika dan integriti organisasi. Program akan diadakan secara dalam talian (*online*) atau bersemuka sekurang-kurang DUA (2) kali dan maksimum EMPAT (4) kali setahun. Ini juga selaras dengan inisiatif pelan tindakan seperti yang tertulis dalam Pelan Antirasuah Kumpulan Pendidikan YPJ (OACP KPYPJ).

Penganjuran **Kuliah Integriti** ini merupakan satu usaha dalam meningkatkan kesedaran dan memupuk pembudayaan integriti dengan bersikap amanah dalam menjalankan tugas seharian. Ianya diharapkan dapat menanamkan sifat kebertanggungjawaban yang tinggi dalam melaksanakan amanah yang diberi.



Oleh kerana 2024 adalah merupakan tahun pertama pelaksanaan, Kuliah Integriti hanya dijalankan untuk 2 siri sahaja. Siri Pertama dijalankan secara dalam talian (*online*) dengan menjemput PU Rozi Harun sebagai penceramah dengan tajuk "Jaga Mulut, Jaga Diri" pada 20 Jun yang lalu. Penyertaan melibatkan 150 staf sokongan dari Ibu Pejabat dan syarikat subsidiari.



Siri Kedua pula dijalankan pada 22 Ogos 2024 dengan tajuk “**Integriti dan Keberkatan Rezeki**” yang disampaikan oleh Ustaz Saiful Syahir bin Mohamad Sopah, Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Integriti dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. Pada kali ini, kami menyasarkan penyertaan 50 orang termasuk semua staf di Ibu Pejabat, Ketua Bahagian atau wakil-wakil bahagian dari setiap kolej dan semua ahli Kelab Ibu Pejabat KPYPJ. Program berjalan dengan lancar dan memberikan impak yang positif kepada peserta melalui soal-selidik yang dijalankan kepada peserta.




KEMELUT POLITIK PEJABAT. BAGAIMANA CARA MENGATASINYA?



Sebuah organisasi yang terdiri daripada majikan dan pekerja tidak akan terlepas dengan cabaran dan dugaan sama ada dalam bentuk tanggungjawab dan tugas serta keletah organisasi termasuklah budaya organisasi, kerenah birokrasi, sikap pekerja dan ketua tidak terkecuali menghadapi cabaran politik pejabat.

Apa itu politik pejabat?

Dalam erti kata lain Politik Pejabat boleh didefinisikan sebagai sebarang bentuk agenda atau rancangan yang tidak berteraskan visi dan misi syarikat serta bukan untuk kepentingan organisasi. Ia lebih menjurus kepada perilaku serta agenda yang negatif untuk kepentingan sendiri sama ada mengharapkan perhatian daripada pihak tertentu yang mana tindakan untuk mengembackan kerjaya dan pesaing berlaku secara tidak sihat dengan menggunakan apa cara sekali pun.



Implikasi Politik Pejabat.

Sekiranya sesebuah organisasi gagal untuk membenters budaya politik pejabat yang tidak sihat ini maka pelbagai kesan negatif akan wujud di tempat kerja sama ada terhadap pekerja atau pun majikan. Di antara kesan-kesan yang akan dihadapi adalah tahap motivasi pekerja akan menurun, berlaku pertikaian dan konflik yang berleluasa, tekanan dan kebimbangan meningkat terhadap organisasi. Pekerja merasakan bahawa mereka berada dalam organisasi yang tidak harmoni dan tiada jaminan untuk terus berkhidmat dan terus menyumbang.

Di antara kesan negatif yang akan dihadapi oleh majikan adalah kadar peningkatan pekerja berhenti **“staff turnover”** akan berlaku di dalam organisasi. Ini akan mendatangkan kerugian kepada organisasi sekiranya staf yang berhenti adalah dikalangan staf yang berpotensi untuk mengerakkan visi dan misi sesebuah organisasi. Jabatan Sumber Manusia terpaksa membuat pengambilan pekerja yang baharu bagi menggantikan pekerja-pekerja yang telah berhenti. Secara langsung ataupun tidak, kesemua kos harus ditanggung sepenuhnya oleh majikan dalam menjalankan fungsi sumber manusia ini. Antara kos yang terpaksa ditanggung oleh organisasi adalah seperti kos pengiklanan pengambilan pekerja, kos latihan semula serta menguruskan induksi kepada pekerja baharu yang menguruskan temuduga, kos menunggu pengambilan pekerja serta kos pengurusan dan pentadbiran yang perlu dilakukan dalam pengambilan pekerja baharu ini.

DALAM NEGERI

Ekoran peletakan jawatan beramai-ramai sembilan ahli Lembaga Pengarah

Rombakan besar-besaran di Khazanah

DALAM NEGERI

9 Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Yang Meletak Jawatan

TAN SRI HUSAMUDDIN AZMAN YAKFIA
Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional

DATUK MUKHAMMAD AZLAN HAGHBA
Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional

TAN SRI RAJA ANSHARUDDIN RAJA TUNJUBA
Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional

TAN SRI ANDREW SENGUEN TAO
Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional

DATUK SERHAFIZ DATUK ARIFFIN BAZALI
Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional

YUSUF HANI PENG
Ahli Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Ahli Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Ahli Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional

DATUK DR. NURHALLA MENAN
Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional

TAN SRI AZMAN MOHTAR
Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional
• Pengarah dan Ahli Jawatan Khazanah (JAK) Khazanah Nasional



Mengurus Politik Pejabat.

Seandainya kesan aktiviti pejabat ini dapat diuruskan dengan baik, maka organisasi dapat menjalankan operasi yang lebih cenderung ke arah pemantapan perancangan strategi syarikat seperti melatih dan membangunkan staf baharu bagi menghasilkan pengeluaran produktiviti dan keuntungan pada organisasi. Oleh itu, politik pejabat ini haruslah dikendalikan dengan sewajarnya oleh kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja. Pihak majikan haruslah mengukuhkan polisi melibatkan peraturan dan prosedur mengenai aduan, khabar angin "*rumours*" secara lebih terbuka dan sistematik dari peringkat bawahan hinggalah ke peringkat pengurusan. Saluran komunikasi yang boleh dipercayai dalam organisasi untuk melaporkan aduan atau tindakan yang tidak beretika, meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran di dalam menguruskan struktur organisasi dan sumber manusia juga harus diberi perhatian.



Rumusan.

Sumber manusia ini perlu diuruskan dengan bijak, cekap dan sistematik bagi memastikan sumber manusia ini menggunakan masa, pengetahuan, bakat dan kemahiran dalam menyumbang kepada peningkatan pengeluaran dan prestasi syarikat dengan sewajarnya. Bagaimana pula dengan peranan kita sebagai pihak pekerja dalam mengatasi masalah ini? Sebagai **"MANUSIA"** haruslah memastikan diri kita dipenuhi dengan aktiviti meningkatkan prestasi dan hasil pengeluaran kita, kembangkan bakat dan kemahiran yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada kita, tingkatkan ilmu pengetahuan dalam menghadapi dan menguruskan cabaran dari kalangan politik pejabat atau toksik yang tidak akan membawa kita ke mana-mana mercu kejayaan pun. Justeru, ini akan memperkasakan jati diri kita untuk menjadi modal insan yang cemerlang dan berdaya tahan dengan cabaran di tempat kerja. Kita hendaklah sentiasa berdoa dan mengharapkan pertolongan dari Allah S.W.T agar dijauhkan dari perkara-perkara yang tidak baik dalam pekerjaan kita. Ini kerana apa yang kita sumbangkan, itulah yang kita akan dapat, namun sekiranya tidak diganjarkan di dunia sudah pasti kita akan menerimanya di suatu hari kelak.

Kesimpulannya, integrasi peranan kedua-dua belah pihak iaitu majikan dan pekerja haruslah digembleng secara kolektif bagi memastikan politik pejabat dapat diuruskan dan ditangani secara bijak dan cekap di samping tidak mengabaikan "suara-suara" atau rintihan-rintihan daripada pihak pekerja serta dalam urusan peningkatan prestasi organisasi.

Oleh: *Firdaus bin Hj Zainal Abidin*

BUDAYA INTEGRITI TERAS

PEMBANGUNAN MASYARAKAT MADANI



Marilah kita menghayati firman Allah SWT dalam Surah Al-Mukminun ayat ke-8. maksudnya "Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya". Ayat ini jelas mengajar kepada kita supaya memelihara amanah dan janji. Seruan ini telah termaktub dalam Al-Quran kepada orang-orang yang beriman supaya bertanggungjawab kepada dua perkara tersebut. Janji yang dimaksudkan dalam ayat tersebut bukan hanya kepada manusia tetapi termasuk janji kepada Allah SWT. Seorang hamba Allah mesti sedar betapa pentingnya memelihara janji terutama dengan Allah SWT.

Selain itu, memelihara amanah juga merupakan antara ciri-ciri orang beriman. Amanah adalah satu perkara yang besar dan berat untuk dilaksanakan. Namun, sebagai insan yang mempunyai ciri amanah dan berjiwa besar, kita mesti menyempurnakan amanah dengan penuh ikhlas mengharapkan keredhaan Allah SWT. Justeru, inilah yang dinamakan integriti dalam kehidupan. Tidak kira di mana dan bila, nilai **integriti**, amanah, tanggungjawab, jujur dan lain - lain sentiasa diterap dalam diri sebagai hamba Allah.

Mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kamus Dewan Edisi Keempat, integriti bermaksud kejujuran atau ketelusan. Selain itu, integriti juga bermakna keadaan sempurna dan utuh. Oleh itu, insan yang bersifat integriti adalah selaras dengan tuntutan agama Islam dan seruan Allah SWT dalam Al Quran.

Budaya integriti merupakan **asas** kepada segala tindakan dalam kehidupan. Integriti adalah **nilai** utama yang mesti diamalkan dalam segala gerak-kerja sebuah organisasi. Sebagai seorang pekerja yang berintegriti, segala nilai yang baik mesti diamalkan dalam kehidupan bukan sahaja di tempat kerja tetapi di luar waktu bekerja. Sebagai contoh, ketika diberi amanah untuk menguruskan sesuatu tugas, kita bertindak dengan penuh komited dan bersungguh-sungguh bukan sambal lewa atau lebih mendukacitakan diuruskan dengan tidak sempurna. Jika kita diberi amanah untuk menguruskan wang masjid atau surau, maka tanggungjawab yang besar untuk menjaganya bukan menyalahgunakannya. Sebagaimana hadis Rasulullah SAW bermaksud, "**Sesungguhnya Allah SWT mencintai seseorang yang apabila melakukan sesuatu pekerjaan, dilakukan dengan penuh kesungguhan (itqan)**" , Hadis Riwayat Muslim. Justeru, nilai amanah dan jujur adalah sifat yang mulia mesti ada pada setiap individu muslim yang percaya kepada keimanan dan ketaqwaan. Kekuatan amalan integriti ini mesti diterapkan dalam setiap individu. Hal ini membuktikan kesejahteraan yang tinggi dan prinsip yang teguh dalam setiap tindakan. Kata Dato' Dr Mohd Radzi Abd Latif "**integriti adalah nilai yang bermula dari dalam diri manusia. Ia bercambah daripada kesedaran fitrah dan bermula di hati, kemudian meresap ke dalam minda dan emosi. Akhirnya, integriti dipamerkan pada tubuh fizikal dan tingkah laku.**"

Integriti menjadikan sistem dan tadbir urus yang sejahtera serta jauh daripada segala kerosakan seperti rasuah, pecah amanah, salah guna kuasa dan lain-lain. **Hubungan integriti dengan ketaqwaan** adalah sangat rapat dan perlu dihayati oleh setiap individu. Bukan sahaja dalam pekerjaan tetapi seluruh kehidupan sebagai Muslim yang bertaqwa. Nilai ketaqwaan mesti diutamakan sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al Hujurat ayat 13 bermaksud "Orang yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertakwa". Justeru, marilah kita mengejar dan memburu taqwa dalam kehidupan sebagai Muslim.

Akhir kata, integriti mesti diamalkan di setiap peringkat tidak kira umur, pangkat dan jawatan. Integriti adalah nilai utama yang membentuk pelakunya atau pengamalannya . Demikianlah gagasan besar dalam salah satu elemen Madani iaitu kesejahteraan.

Oleh: **Farhan bin Ashari**

*Penolong Pegawai Agama,
Kolej Kemahiran Johor, Johor Bahru.*

Sajak POHON INTEGRITI

Pohon Integriti ini,
Benihnya Kejujuran,
Berbunga Keberkatan,
Buahnya selebat keikhlasan.

Pohon Integriti ini,
Tidak 'tumbuh rusuk' dalam isinya,
Tidak juga 'masak sebelah',
Tidak ranum tipu dayanya,
Selama mana tidak diselit dengan helah.

Pohon Integriti ini,
Batangnya sekuat kebenaran,
Daunnya berbatang keutuhan,
Rantingnya bertunjang ketelusan,
Dan akarnya bertunaskan kepercayaan.

Pohon Integriti ini,
Tidak gugur kebaikannya,
Tidak rendang amalannya,
Tidak kering tanggungjawabnya,
Bahkan tumbuh mekar dan subur
dengan amanahnya.

Nukilan:

Arrifah Naima binti Rosli

Pengajar DSM KKJB

Gurindamku
BUATMU SAHABAT

Jujurlah pada diri,
agar tiada yang membenci.

Jujurlah pada pelajar,
agar tiada yang kurang ajar.

Jujurlah dalam persahabatan,
itu tanda kehebatan.

Jujurlah ketika bertugas,
tanda kita bekerja tidak culas.

Berintegritilah dalam kerjaya,
tanda hidup akan berjaya.

Berintegritilah dalam memimpin,
pasti dihormati orang dipimpin.

Berintegritilah dalam organisasi,
menjunjung adab bijak berkomunikasi.

Jika kita sama-sama berintegriti,
seluruh warga menjanakan kualiti.

Nukilan:

Norhaida binti Ahmad

Pensyarah KYPJ

Himpunan

KATA-KATA BIJAK TENTANG INTEGRITI

01

"Kehebatan seorang manusia bukanlah pada seberapa banyak kekayaan yang dia peroleh, tetapi pada integritinya dan kemampuannya untuk mempengaruhi orang-orang di sekitarnya secara positif." - **Bob Marley**

"Integriti adalah inti dari semua keberhasilan."
- **R. Buckminster Fuller**

02

03

"Enam kualiti penting kepada kunci sukses: Ketulusan, integriti pribadi, kerendahan hati, kesopanan, kebijaksanaan, kasih amal."
- **Dr. William Menninger**

"Memang benar bahawa integriti saja tidak akan menjadikanmu seorang pemimpin, tetapi tanpa integriti, kamu tidak akan pernah menjadi pemimpin."
- **Zig Ziglar**

04

05

"Integriti manusia harus diukur dari tingkah lakunya, bukan oleh profesinya."
- **Junius**

06

"Tidak ada nilai yang lebih tinggi dalam masyarakat kita selain integriti."

- Arlen Spectre

"Integriti adalah melakukan hal yang benar ketika tidak ada yang melihat, dan melakukan apa yang kamu katakan akan dilakukan."

- Roy T. Bennett

07

08

"Integriti adalah kemampuan untuk mendukung sebuah idea."

- Ayn Rand

"Sebuah kebohongan menghancurkan seluruh reputasi integriti."

- Baltasar Gracian

09

10

"Integriti adalah kualiti kepemimpinan yang paling berharga dan dihormati. Selalu tepati janjimu."

- Brian Tracy

TAHNIAH!

Kepada

PEMENANG PERTANDINGAN INTEGRITI! BULAN INTEGRITI 2023

A Kategori POSTER/KAPSUL INTEGRITI



Ali Zulkarnain bin Abd Karim



Abdul Kafi bin Tarinan



Farrah Khairiyah binti Md Azam



B Kategori PENULISAN ARTIKEL / CERPEN / PUISI / SAJAK / GURINDAM



Farhan bin Ashari



Ariffah Naimah binti Rosli



Norhaida binti Ahmad



C Kategori VIDEO KREATIF INTEGRITI

Pemenang Utama: Kolej Yayasan Pelajaran Johor



Ahli:

Muhammad Irfan Hafiz bin Hamid
Abdul Kafi bin Tarinan

Muhammad Aimaduddin bin Mohammad Nazri
Mahanim binti Mahad

Sekalung Penghargaan

kepada mereka yang menyertai pertandingan ini :



Nur Haziqah binti Naziri



Nor Rizam Shah bin Zainal




Mohamad Hafis bin Muklas



Shafiqah Nadzirah binti Majnoor



Ermawati binti Mohammad



Siti Adibah binti Mujib



Rashidah binti Omar



Penyertaan anda bukan sahaja mencerminkan semangat bersaing secara sihat tetapi juga komitmen terhadap nilai-nilai integriti yang amat penting dalam kehidupan. Terima kasih atas usaha dan dedikasi anda.

Semoga semangat ini terus subur dalam diri kita semua !



SALURKAN MAKLUMAT ADUAN ANDA

kepada

Unit Integriti

aduankpypj@gmail.com



PENGHARGAAN

Unit Integriti merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang karya serta semua pihak yang telah bersama-sama menayakan penerbitan buletin kali ini.

Terima Kasih



UNIT INTEGRITI KPYPJ

Aras 2, Blok B, KM 16, Jalan Kulai-Kota Tinggi,
81900 Kota Tinggi, Johor Darul Ta'zim.

☎ +607-888 0374 ✉ aduan kypj@gmail.com

www.kypj.edu.my